

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera,
YBrS/Dr./ Ir./ Ts./ Tuan/Puan,
Hebahan koleksi keratan akhbar terpilih minggu ini untuk makluman dan rujukan.

1.	TAJUK	SINDIKET SELUDUP SKRAP LOGAM : EKSTRAK JADI 'EMAS'
	SUMBER	HARIAN METRO (9 SEPTEMBER 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	21 (LOKAL)

SINDIKET SELUDUP SKRAP LOGAM

Ekstrak jadi 'emas'

Oleh Muhaamad Hafis Nawawi
mhafis@medipri-ma.com.my

Kuala Lumpur

Pulangan lumayan daripada pengestrakan logam berharga seperti emas dan tembaga daripada e-waste menyebabkan sindiket sanggup menyeludup skrap logam itu dari negara maju seperti Amerika Syarikat, Jepun, Jerman dan United Kingdom.

Malah, sindiket terbabit sanggup memanipulasi dokumen dan pengisytiharan palsu ketika membawa masuk bahan e-waste itu melalui pintu sempadan secara haram sebelum diproses di kilang haram yang beroperasi secara tersembunyi dan jauh dari kawasan industri.

Mendedahkan perkara itu secara



eksklusif, Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) Datuk Wan Abdul Latiff Wan Jaffar berkata, JAS berdepan pelbagai cabaran yang kompleks dalam usaha membanteras lambakan e-waste di negara ini walaupun tindakan penguatkuasaan dilaksanakan.

Menurutnya, antara keangan utama ialah lokasi kilang haram yang memproses e-waste berada di luar kawasan industri menyebabkan ia sukar dikesan.

"Selain itu, kemasukan e-waste ke negara ini melalui pintu sempadan secara haram melalui tindakan manipulasi dokumen dan pengisytiharan palsu oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

"Kegiatan haram ini masih berleluasa kerana ia menjanjikan pulangan lumayan melalui pengestrakan logam berharga seperti emas dan tembaga daripada e-waste," katanya.

Wan Abdul Latiff berkata, cabaran utama yang dihadapi JAS adalah kewujudan premis tidak berlesen yang memproses e-waste secara haram dan lambakan kontena disyaki mengandungi e-waste yang ditahan di pelabuhan.

"Isu ini memberi

kan cabaran besar kepada JAS untuk menanganinya yang membabitkan aspek kawalan, penguatkuasaan dan undang-undang.

"Rekod menunjukkan sebanyak 668 951 kontena mengandungi e-waste ditahan di pintu masuk negara sejak 10 hingga lima tahun lalu yang mana peningkatan ketara adalah pada 2024 dengan jumlah penahanan kontena e-waste sebanyak 430 kontena," katanya.

Beliau berkata, kontena ini dipulangkan ke negara asal dan sesetengahnya masih dalam proses pemulangan.

"Dalam pada itu, JAS bekerjasama erat dengan pelbagai agensi termasuk Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) serta Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia (AKPS).

"Penyelarasannya membabitkan operasi bersepadu di pintu masuk negara, perkongsian maklumat risikan, serta pelaksanaan pemantauan bersama terhadap pergerakan e-waste. Pendekatan bersepadu ini amat penting bagi memastikan isu pengimportan dan pemrosesan e-waste secara haram dapat ditangani sepenuhnya.

"Selain itu, serbuan terhadap premis-premis haram juga dilaksanakan melalui Ops Hazard yang dijalankan dalam dua fasa pada tahun ini dengan serbuan terhadap 122 premis di seluruh negara," katanya.

Menurutnya, pemrosesan e-waste secara haram sememangnya berpotensi besar me-

nyebabkan pencemaran alam sekitar sekiranya tidak dilaksanakan dengan betul.

"Kebiasaannya premis yang menjalankan aktiviti secara haram ini tidak dilengkapi dengan sistem alat kawalan pencemaran udara dan air.

"Hal ini menyebabkan bahan pencemar udara atau efluen yang terhasil daripada proses itu tidak dirawat dan dilepaskan secara terus kepada alam sekitar," katanya.

Menurut Wan Abdul Latiff, buangan terdajual yang terhasil daripada aktiviti pemrosesan e-waste ini iaitu sanga, abu dan dros juga kebiasaannya tidak diuruskan dengan baik dan dilupuskan secara haram di ladang-ladang, kebun ataupun hutan turut mencemarkan alam sekitar.

"Oleh itu, pengurusan e-waste hendaklah mematuhi perundangan yang telah digariskan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974 supaya pengurusannya adalah mesra alam," katanya.

Harian Metro sebelum ini mendedahkan seludup keluar besi buruk untuk dieksport dengan diikrarkan sebagai barangan jentera dan logam lain yang tidak dikenakan cukai eksport sebanyak 15 peratus sebagaimana ditetapkan kerajaan.

Malah, ahli perniagaan bergelar Datuk Seri terbabit antara individu diasias SPRM kerana terbabit seludup keluar besi buruk untuk dieksport dengan diikrarkan sebagai barangan jentera dan logam lain yang tidak dikenakan cukai eksport 15 peratus sebagaimana ditetapkan kerajaan.

“Kegiatan haram ini masih berleluasa kerana ia menjanjikan pulangan lumayan”
Wan Abdul Latiff

2.	TAJUK	SIDABG DEWAN NEGARA : AS PENYUMBANG UTAMA PENYELUDUPAN E-SISA DI MALAYSIA
	SUMBER	BH (10 SEPTEMBER 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	14 (NASIONAL)

Sidang Dewan Negara

AS penyumbang utama penyeludupan e-sisa di Malaysia

Kementerian ambil langkah tegas dalam usaha banteras aktiviti

Oleh Muhammad Yusri Muzamir
yusri.muzamir@bh.com.my

Kuala Lumpur: Amerika Syarikat (AS) dikenal pasti sebagai penyumbang utama sisa elektrik dan elektronik (e-sisa) yang diseludup ke negara ini.

Menteri Perlindungan dan Komoditi yang menjalankan tugas serta fungsi Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Datuk Seri Johari Abdul Ghani, berkata ini membabitkan 88 peratus daripada e-sisa yang diseludup ke negara ini.

Selain itu, katanya, Kanada, England, Singapura, Hong Kong, Emiriah Arab Bersatu (UAE) serta Jepun turut menyumbang kepada peratusan e-sisa yang diseludup ke negara ini.

"Berdasarkan rekod, 951 daripada 1,414 kontena ditahan dan diperiksa Jabatan Alam Sekitar (JAS), antara 2021 hingga tahun lalu mengandungi e-sisa.

"Daripada jumlah ini, 365 kontena sudah dihantar pulang ke negara asal, selaras prosedur di bawah Konvensyen Basel Mengenai Kawalan Pergerakan Me-

rentasi Pelupusannya," katanya menerusi jawapan bertulis Dewan Negara.

Beliau menjawab soalan Senator Datuk Seri, SV Vell Paari mengenai langkah membanteras penyeludupan e-sisa dan diproses di negara ini serta negara asal lambakan bahan itu, sama ada dari AS, United Kingdom, China atau Jepun.

Johari berkata, kementerian juga mengambil langkah tegas dalam usaha membanteras aktiviti penyeludupan e-sisa ke negara ini dengan mengarahkan syarikat pengimport yang membawa masuk e-sisa secara haram untuk menghantar semula ke negara asal.

Tingkat kerjasama agensi

Selain itu, katanya, memperkukuh mekanisme penguatkuasaan dan meningkatkan kerjasama semua agensi terbabit di pelabuhan termasuk Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), pihak berkuasa pelabuhan dan JAS.

Meningkatkan kerjasama dengan organisasi antarabangsa termasuk Sekretariat Konvensyen Basel, Asian Network, Enforce, Interpol dan lain-lain dari segi penyaluran maklumat mengenai kapal membawa kontena disyaki mengandungi e-sisa akan masuk melalui pelabuhan.

Mengenakan tindakan perundangan kepada semua pengimport yang membawa masuk e-sisa secara haram ke negara ini.

Meningkatkan kerjasama dengan pelbagai agensi seperti agensi penguatkuasaan, agensi Persekutuan dan pihak berkuasa negeri, terutama membabitkan penguatkuasaan terhadap operasi kilang haram melalui pelaksanaan Ops Hazard secara bersepadu di seluruh negara pada Februari dan Jun lalu.

Sebanyak 122 premis diserbu sepanjang operasi itu dan kes diasat di bawah pelbagai kesalahan, termasuk Akta Senjata Api 1960, Akta Kualiti Alam Sekeliling.

"Daripada jumlah ini, 365 kontena sudah dihantar pulang ke negara asal, selaras prosedur di bawah Konvensyen Basel Mengenai Kawalan Pergerakan Merentasi Pelupusannya"

Johari Abdul Ghani,
Menteri Perlindungan dan Komoditi



3.	TAJUK	88 PERATUS E-SISA DISELUDUP DARI AS
	SUMBER	HARIAN METRO (10 SEPTEMBER 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	17 (LOKAL)

88 peratus e-sisa diseludup dari AS

Kuala Lumpur: Amerika Syarikat (AS) dikenal pasti sebagai penyumbang utama sisa elektrik dan elektronik (e-sisa) yang diseludup ke negara ini, kata **Datuk Seri Johari Abdul Ghani**.

Menteri Perladangan dan Komoditi yang menjalankan tugas serta fungsi Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam itu berkata, ini membabitkan 88 peratus daripada e-sisa yang diseludup ke negara ini.

Selain itu katanya, Kanada, England, Singapura, Hong Kong, Emiriah Arab Bersatu (UAE) serta Jepun turut menyumbang kepada peratusan e-sisa yang diseludup ke negara ini.

"Berdasarkan rekod, 951 daripada 1,414 kontena ditahan dan diperiksa Jabatan Alam Sekitar (JAS) antara 2021 hingga tahun lalu, mengandungi e-sisa.

"Daripada jumlah ini, 365 kontena sudah dihantar pulang ke negara asal, selaras prosedur di bawah Konvensyen Basel Mengenai Kawalan Pergerakan Merentasi Pelupusannya," katanya menerusi jawapan bertulis Dewan Negara semalam.

Beliau menjawab soalan **Senator Datuk Seri SV Vell Paari** mengenai langkah membanteras penyeludupan e-sisa dan diproses di negara ini serta negara asal lambakan bahan itu, sama ada dari AS, United Kingdom, China atau Jepun.

Johari berkata, kementerian juga mengambil langkah tegas dalam usaha membanteras aktiviti penyeludupan e-sisa ke negara ini dengan mengarahkan syarikat pengim-



JOHARI

port yang membawa masuk e-sisa secara haram untuk menghantar semula ke negara asal.

Selain itu, katanya, memperkukuh mekanisme penguatkuasaan dan meningkatkan kerjasama semua agensi terbabit di pelabuhan, termasuk Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), pihak berkuasa pelabuhan dan JAS.

Meningkatkan kerjasama dengan organisasi antarabangsa termasuk Sekretariat Konvensyen Basel, Asian Network, Enforce, Interpol dan lain-lain daripada segi penyaluran maklumat mengenai kapal membawa kontena disyaki mengandungi e-sisa akan masuk melalui pelabuhan.

Mengenakan tindakan perundangan kepada semua pengimport yang membawa masuk e-sisa secara haram ke negara ini.

Meningkatkan kerjasama dengan pelbagai agensi seperti agensi penguatkuasaan, agensi Persekutuan dan pihak berkuasa negeri, terutama membanteras penguatkuasaan terhadap operasi kilang haram melalui pelaksanaan Ops Hazard secara bersepadu di seluruh negara pada Februari dan Jun lalu.

3.	TAJUK	MORATORIUM EKSPORT REE DIKUATKUASA
	SUMBER	BH (11 SEPTEMBER 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	15 (LOKAL)

Moratorium eksport REE dikuat kuasa

Kerajaan mengambil pendekatan strategik dengan menguatkuasakan moratorium pengeksportan unsur nadir bumi (REE) mentah ketika ini untuk memastikan sumber negara itu tidak terus dieksploitasi tanpa nilai tambah.

Menteri Perladangan dan Komoditi yang menjalankan tugas serta fungsi Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Datuk Seri Johari Abdul Ghani, berkata langkah itu memaksa usaha yang giat dibuat, sama ada membawa masuk teknologi pemprosesan dari luar atau membangunkan sendiri teknologi tempatan.

Beliau berkata, kerajaan sudah menyediakan prosedur operasi standard (SOP) perlombongan REE di negara ini, yang diluluskan di peringkat Jemaah Menteri dan Majlis Mineral Negara.

"SOP itu sudah diedarkan kepada semua kerajaan negeri pada Disember 2023 yang merangkumi aspek kawal selia aktiviti di peringkat praperlombongan, semasa perlombongan dan pasca perlombongan, termasuk keperluan

kelulusan Laporan Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) serta kawalan pemulihan kawasan lombong.

"Pelaksanaan projek perintis perlombongan REE di Mukim Kenering, Perak membuktikan SOP ini mampu mengurangkan kesan negatif daripada aktiviti perlombongan jika dipatuhi dengan baik," katanya dalam jawapan bertulis di Dewan Negara.

Beliau menjawab soalan Senator Datuk Dr Mohd Hatta Md Ram-

li mengenai usaha sedang dilakukan bagi mengeluarkan mineral kritikal seperti REE, termasuk daripada aspek pemprosesan dan pengeksportan bahan itu.

"Mengenai pemprosesan REE, negara ketika ini masih berdepan cabaran kerana ketiadaan loji pengasingan yang boleh memproses sumber tempatan itu untuk menghasilkan produk lebih bernilai tinggi," katanya.

Johari berkata, lawatan Presiden China, Xi Jinping pada April

lalu, membuka ruang kerjasama teknologi pemisahan dengan syarat membabitkan syarikat berkaitan kerajaan (GLC).

Katanya, biarpun masih di peringkat awal, namun ia dilihat sebagai peluang mengurangkan kebergantungan kepada pengeksportan mentah serta meningkatkan reputasi negara sebagai hab pemprosesan REE serantau.

Beliau berkata, loji pemprosesan Lynas di Kuantan, Pahang akan dimanfaatkan bagi menyokong pembangunan industri pertengahan dan hiliran REE negara.

"Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi juga melaksanakan pelbagai inisiatif, termasuk pembangunan 'National Advanced Materials Technology Roadmap' (NAMTR) 2021-2030 dan penubuhan Konsortium Bahan Termaju Negara (NAMC).

"Ini bagi menyokong perkongsian pengetahuan, pembangunan teknologi dan kepakaran serta pembabitan pemain industri tempatan dalam rantaian industri REE," katanya.



Tapak projek perintis perlombongan REE di Mukim Kenering, Perak (Foto NRES)

Sekiranya YBrs/ Dr./ Ir./ Ts. /Tuan/Puan, memerlukan maklumat lanjut, hubungi
Unit Perpustakaan EiMAS di emel berikut:

1. Haslinda Binti Mustafa (haslindamustaffa@doe.gov.my)
2. Jamilah Binti Abdullah (jamilah@doe.gov.my)
3. Azrawirda Zarza Binti Aznan (zarza@doe.gov.my)

**Perpustakaan Enviro Digital@Eimas
Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS)
Jabatan Alam Sekitar
Kampus Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
43600 UKM Bangi, Selangor**